



# Spacetoon Media Hub unjur RM12j

## Kerajaan untung akses ke pasaran animasi dunia

Oleh Shamsul Kamal  
Amarudin  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**I**POH: Kerajaan Perak mengunjurkan pulangan pelaburan sebanyak RM12 juta hasil projek yang dilaksanakan menerusi penubuhan Spacetoon Media Hub di Meru Raya, kata Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Beliau berkata, selain keuntungan dari segi perolehan, kerajaan negeri juga mendapat keuntungan tidak langsung melalui akses ke pasaran dunia khususnya bidang animasi serta perkongsian hak barang dagangan.

"Ketika ini, antara projek yang dijalankan di situ ialah animasi Maouia, Princess of Cordoba; projek filem CGI, Mantera dan siri animasi televisyen, Networks," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di sini.

Penubuhan Spacetoon

Media Hub dijalankan hasil kerjasama Spacetoon International, KPerak Implementation and Coordination Corporation (KPerak) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) bagi menjadikan negeri ini sebagai hub seni kreatif, menghasilkan program animasi bertaraf dunia serta kemudahan latihan bidang berkenaan.

Projek itu bermula selepas Spacetoon International menandatangani memorandum perjanjian (MoA) sempena pelancaran MSC Malaysia Cybercentre@Meru Raya oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi, pada Oktober 2007.

Zambry juga berkata, KPerak bersama Aspati Multimedia telah membangunkan portal perdagangan dalam talian atau online [\[akmall.com\]\(http://akmall.com\) bagi memberi peluang orang ramai khususnya rakyat negeri ini berkecimpung lebih aktif terhadap perniagaan menerusi internet.](http://www.per-</a></p></div><div data-bbox=)

Beliau berkata, portal perdagangan itu yang akan dilancarkan pada Ogos ini menyediakan platform jual beli kepada usahawan kecil, peruncit dan orang perseorangan yang mahu membuat transaksi jual beli barangan seperti konsep eBay, lelong.com dan mudah.com.

Zambry berkata, kerajaan negeri akan melaksanakan tiga kaedah jangka sederhana yang bakal dilaksanakan bagi meningkatkan kadar perkembangan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negeri ini.

Pertama, mewujudkan 34 Pusat Jalur Lebar Komuniti

(PJK) menerusi kerjasama antara KPerak dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) tahun ini.

Katanya, sasaran pada masa depan ialah mewujudkan sebuah PJK di semua 82 mukim di negeri ini dengan kawasan sekitar 300 meter di sekitar PJK dilengkapi kemudahan Wi-Fi percuma.

"Kedua, kerajaan negeri berhasrat mewujudkan 'wireless hot spot' percuma di kawasan tumpuan ramai dan berkepadatan penduduk tinggi di bandar negeri ini serta melaksanakan program pemilikan komputer membabitkan 32,000 komputer bersama SKMM bagi membantu pelajar miskin dan luar bandar," katanya.



ZAMBRY pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco.

*Kerajaan negeri  
akan melaksanakan  
tiga kaedah jangka  
sederhana yang  
bakal dilaksanakan  
bagi meningkatkan  
perkembangan  
bidang teknologi  
maklumat dan  
komunikasi  
di negeri ini"*

**Zambry Abdul  
Kadir**  
Menteri Besar Perak